

Headline **Pertandingan menulis esei FRIM**
Date **19 Sep 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **25**
Article Size **153 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,024**
PRValue **9,072**



Pertandingan menulis esei FRIM

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjemput para pelajar sekolah menengah berusia antara 15 hingga 18 tahun untuk menyertai Pertandingan Menulis Esei Sempena Hari Inovasi FRIM 2011.

Peserta boleh memilih salah satu daripada dua tajuk yang berikut:

- Membudayakan inovasi dan kreatif ke arah melestarikan alam sekitar
- Manfaat teknologi dan inovasi dalam penyelidikan negara.

FRIM dalam satu kenyataan memberitahu, pertandingan tersebut bertujuan mencungkil bakat berkarya di kalangan pelajar sekolah menengah terutama tentang pengetahuan semasa terhadap dunia inovasi negara dan memantapkan budaya berinovasi di kalangan pelajar sekolah yang merupakan peneraju inovasi di masa hadapan.

“Penyertaan adalah percuma dan hendaklah menggunakan borang pertandingan yang boleh dimuat-turun dari laman web FRIM www.frim.gov.my,” demikian menurut kenyataan itu.

Esei yang dihantar hendaklah tidak melebihi 1,000 patah perkataan, ditaip di atas kertas A4 dalam jarak langkau 1.5 menggunakan *Times New Roman* bersaiz 12 dan dicetak pada sebelah muka setiap helaian kertas.

Semua penyertaan akan disemak oleh panel hakim dan penilaian

akan dibuat berdasarkan:

- a) Pengenalan (10 peratus)
- b) Bahasa (30 peratus)
- c) Isi (50 peratus) dan
- d) Penutup (10 peratus).

Keputusan panel ini adalah muktamad.

Setiap peserta hanya boleh menghantar satu esei sahaja dan esei yang ditulis mestilah karya asli, hasil penulisan sendiri dan belum pernah diterbitkan secara fizikal atau pun alam maya. Karya ciplak, plagiat atau terjemahan tidak akan diterima.

Setiap esei yang dihantar tidak akan dikembalikan dan pihak FRIM berhak mencetak atau menerbitkan esei tersebut.

Penyertaan boleh dipos atau hantar terus kepada Urusetia Pertandingan Menulis Esei, Unit Pengurusan Korporat, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), 52109 Kepong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia sebelum pukul 5 petang pada hari Jumaat, pada 1 November 2011.

Peserta berpeluang memenangi hadiah-hadiah berikut:

- Tempat Pertama: RM 500; piala dan sijil penyertaan;
- Tempat Kedua: RM300, piala dan sijil penyertaan; dan
- Tempat Ketiga: RM100, piala dan sijil penyertaan.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Huda Farhana di talian 03-6279 7545 / 6279 7594 / 7591 dan 7577.